A

DATUK ZA'ABAR DATO' MOHD ADIB

lwn.

HJ MOHD AKIL HJ MAT & YANG LAIN

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA TERENGGANU
MARIANA YAHYA H
[PETISYEN PILIHANRAYA NO: 26-PP-03-2013]
18 JULAI 2013

C ***PILIHANRAYA:*** *Petisyen - Perisytiharan - Permohonan untuk perisytiharan bahawa pilihan raya adalah tidak sah dan terbatal - Keputusan ketua tempat mengundi menolak kertas-kertas undi yang mempunyai kesan dakwat kekal - Sama ada muktamad dan tidak boleh dipersoalkan - Kegagalan memplidkan fakta-fakta material - Sama ada*
D *k. 4(1)(b) & k. 4(4)(3) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 dipatuhi - Sama ada terdapat pelanggaran s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 - Sama ada petisyen memprejudis, menyusahkan dan mengaibkan responden-responden - Sama ada terdapat kelompongan dalam per. 25(7) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan*
E *Raya) 1981 - Sama ada permohonan dibenarkan*

Petisyen pilihan raya ini telah difailkan oleh pempetisyen, seorang calon Barisan Nasional, yang telah bertanding dalam pilihan raya umum ke-13 bagi bahagian Dewan Undangan Negeri N26 Rantau
F Abang, Terengganu. Wakil PAS ('responden ketiga') telah dilaporpilih dengan sempurnanya melalui undi majoriti sebanyak 141 undi. Antara relif yang dipohon adalah bagi perisytiharan bahawa (i) pemilihan responden ketiga adalah tidak sah dan terbatal; dan (ii) pempetisyen sepatutnya telah dilaporpilih.
G Alasan petisyen ini adalah bersandarkan kepada ketidakpatuhan per. 25(7) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 ('PPPR 1981') berkenaan pengundian dan/atau proses pengundian sehingga menyentuh keputusan pilihan raya. Pempetisyen menyatakan bahawa tiada peruntukan khusus dalam
H per. 25(7) PPPR 1981 yang membolehkan ketua tempat mengundi menolak kertas-kertas undi yang mempunyai kesan dakwat kekal. Oleh itu, pempetisyen menganjurkan kepada mahkamah untuk (i) mentafsirkan per. 25(7); (ii) mengakui bahawa terdapatnya kelompongan dalam per. 25(7) yang tidak memberi kuasa kepada
I ketua tempat mengundi untuk menolak kertas-kertas undi tersebut; dan (iii) mengambil pengiktirafan kehakiman terhadap penggunaan dakwat kekal dan kewujudan *lacuna* dalam per. 25(7). Tambahan,

pempetisyen mendakwa bahawa terdapat ketidakpatuhan dan/atau perlanggaran di bawah s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 ('Akta') di mana pengundian tidak dijalankan mengikut prinsip undang-undang. Antara bantahan awal yang dikemukakan oleh pihak responden adalah bahawa (i) petisyen tersebut adalah remeh, sia-sia dan menyalahgunakan proses mahkamah kerana keputusan ketua tempat mengundi untuk menolak kertas undi adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan berikutan s. 41 Akta; (ii) petisyen adalah cacat kerana gagal mematuhi peruntukan mandatori k. 4(1)(b) dan k. 4(4)(3) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 ('KKPPR 1954') apabila fakta-fakta dan butir-butir material tidak diplidkan; dan (iii) fakta material yang tidak mencukupi dalam petisyen telah memprejudiskan, menyusahkan dan mengaibkan responden-responden untuk menyediakan pembelaan mereka. Responden-responden juga menghujahkan bahawa relif yang dipohon iaitu "pemilihannya tidak sah dan terbatal" tidak patut dibenarkan kerana ianya tidak diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang terutamanya di bawah s. 35 Akta. Tambahan, dihujahkan bahawa relif tersebut telah dimansuhkan dan atas sebab itu, ianya tidak boleh dibenarkan dan patut dibatalkan. Sebaliknya, pempetisyen menghujahkan bahawa relif yang dipohon telah diplidkan secara alternatif dan mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk menafsirkan relif tersebut secara disjunktif dan menjadikannya tidak bercanggah dengan peruntukan s. 35(b) Akta.

Diputuskan (membatalkan petisyen dengan kos):

(1) Seksyen 41 Akta memperuntukkan bahawa keputusan ketua tempat mengundi tidak boleh dipersoalkan. Kesan daripada keputusan yang tidak boleh dipersoalkan tersebut terjumlah kepada satu keputusan yang muktamad. Tambahan, pempetisyen tidak menunjukkan bahawa ketua tempat mengundi telah gagal mematuhi atau telah melanggari kehendak peruntukan per. 25(9) PPPR 1981. Hanya undian yang telah diterima sahaja digunapakai untuk satu pengiraan semula manakala undi yang ditolak adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan. Ini menunjukkan bahawa undi yang ditolak pada peringkat pengasingan atau pengiraan tidak boleh dipersoalkan. (perenggan 8, 13 & 18)

(2) Rasional kuasa yang diperuntukkan di bawah per. 25(10) PPPR 1981 dan s. 41 Akta adalah untuk memastikan adanya kesudahan dalam sesuatu keputusan untuk menerima atau

menolak kertas undi yang dibuat oleh ketua tempat mengundi. Sekiranya undang-undang tidak membekalkan ketua tempat mengundi dengan kuasa ini, pertikaian mengenainya tidak akan berakhir dengan suatu keputusan yang semestinya dituntut dalam semua proses pilihan raya. (perenggan 13)

(3) Tiada sebarang kelompongan undang-undang yang memerlukan mahkamah membuat penafsiran baru bagi per. 25(7) PPPR 1981. Ketua tempat mengundi hendaklah menolak kertas undi sebagai tidak sah mengikut mana-mana keadaan yang diperuntukkan dengan syarat sedia ada dalam peruntukan tersebut. Pempetisyen perlu menunjukkan di bawah keadaan manakah per. 25(7) telah dilanggari oleh ketua tempat mengundi semasa penolakan kertas undi dibuat. Kegagalan pempetisyen untuk menunjukkan ketidakpatuhan yang dilakukan oleh ketua tempat mengundi dalam menolak undi hanya berdasarkan terdapatnya kesan dakwat kekal pada kertas undi secara terusnya menunjukkan bahawa tiada pelanggaran dilakukan oleh ketua tempat mengundi. (perenggan 20 & 22)

(4) Kegagalan pempetisyen memperincikan dengan nyata apakah pelanggaran dan/atau ketidakpatuhan yang telah dilakukan oleh ketua tempat mengundi di bawah Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 menjadikan s. 32(b) Akta tidak terpakai terhadap responden-responden pertama, kedua dan ketiga. Tambahan, petisyen pempetisyen telah, dengan cuai dan lalainya, meninggalkan fakta-fakta penting, antara lain, seperti berapakah jumlah kertas undi yang ditolak bagi setiap saluran dan mengapa kertas undi tersebut ditolak. (perenggan 22 & 31)

(5) Kegagalan pempetisyen untuk menamakan mana-mana bahagian di per. 25(7) PPPR 1981 menunjukkan bahawa tiada sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran peraturan dibuat oleh ketua tempat mengundi. Pempetisyen hanya menyebut bahawa terdapatnya kertas undi yang ditolak tanpa butir-butir lanjut untuk menyokong dakwaan tersebut. Maka, pempetisyen tidak memplidkan apa-apa fakta material dan alasan yang betul untuk menyokong petisyen ini. Pendirian pempetisyen bahawa ketiadaan peruntukan undang-undang pilihan raya mengenai penolakan kertas undi kerana kesan dakwat kekal adalah suatu andaian semata-mata yang tidak berasaskan sebarang bukti. Pempetisyen bukan sahaja gagal untuk menyatakan kesalahan-

kesalahan yang dilakukan tetapi juga telah menyusahkan responden-responden pertama, kedua dan ketiga dalam menyediakan pembelaan mereka. (perenggan 33 & 34)

(6) Undang-undang mengenai penzahiran fakta-fakta penting di dalam petisyen pilihan raya adalah mantap. Fakta-fakta dan alasan yang disandari oleh pempetisyen di dalam petisyennya telah gagal untuk menyokong permintaan yang dipohon. Pempetisyen tidak dapat menunjukkan alasan yang disandari termasuk dalam s. 32(b) Akta di mana fakta yang dizahirkan di dalam petisyen ini gagal mematuhi peruntukan mandatori k. 4(1)(b) dan k. 4(4)(3) KKPPR 1954. Oleh itu, petisyen adalah cacat dan tidak dapat dipertahankan. (perenggan 37)

(7) Tugas mahkamah adalah terhad kepada mentafsirkan dan menguatkuasakan undang-undang tidak lebih daripada maksud asal dan tujuannya yang telah sedia ada dalam undang-undang tersebut. Mahkamah tidak boleh keluar dari fungsi dan tugas yang telah dipertanggungjawab ke atasnya. Semasa pindaan dibuat kepada per. 19 dan 19A Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012, Parlimen secara sedar mengambil maklum bahawa per. 25(7) PPPR 1981 tidak memerlukan sebarang kemasukan sub-peraturan yang baru untuk dijadikan sebahagian syarat-syarat penolakan. Pindaan ini juga dibuat khususnya bersempena dengan pengenalan penggunaan dakwat kekal. Maka, per. 25(7) PPPR 1981 dan sub-peraturan di bawahnya adalah cukup dan lengkap. (perenggan 40, 42 & 43)

(8) Relif yang dipohon supaya "pemilihannya adalah tidak sah dan terbatal" adalah bercanggah dengan peruntukan undang-undang. Walaupun pempetisyen menjemput mahkamah ini untuk membaca s. 35(b) Akta secara disjunktif, ia tidak memberi sebarang hasil apabila perkara yang dipohon oleh pempetisyen tidak wujud lagi. Tambahan, fakta bahawa relif yang dipohon telah diplidkan secara alternatif tidak sama sekali benar kerana perenggan relif pempetisyen tidak menunjukkan sedemikian. Adalah tidak wajar bagi pempetisyen meminta mahkamah ini untuk memilih relif manakah yang dipohon oleh pempetisyen. Pempetisyen seharusnya sedar dan jelas apa sebenarnya yang ingin dipohon olehnya melalui petisyen ini. (perenggan 50 & 51)

A *Obiter*

(1) Penggunaan dakwat kekal semasa pilihan raya adalah untuk mengelakkan pengundi daripada mengundi lebih daripada sekali dan bagi memastikan ketelusan proses pilihan raya negara kita
B kekal terjaga. Dalam menjalankan pilihan raya, perundangan dan peraturan pilihan raya merupakan asas utama dalam menyediakan garis panduan bagi melaksanakan proses pilihan raya yang perlu dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam pilihan raya. Penggunaan dakwat kekal telah termaktub dalam
C undang-undang yang ditetapkan dan perlu dicalit pada jari pengundi sebelum kertas undi diberikan. Dakwat kekal adalah syarat mengesahkan undi seseorang itu. Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012 telah dipinda untuk memperjelaskan perkembangan terbaru ini melalui
D peruntukan per. 19 dan 19A yang mewajibkan seseorang pengundi dicalitkan dengan dakwat kekal sebelum kertas undi dikeluarkan kepada pemilih berkenaan. (perenggan 39)

Kes-kes yang dirujuk:

E *Mahari Endut v. Dato' Hj Mat Razali Kassim, Pegawai Pengurus Pilihan Raya Bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri N15 Ladang & Ors [2009] 4 CLJ 488 FC* ***(dirujuk)***

Mohd Nazri Hj Din v. Dato' Seri Raja Ahmad Zainuddin Raja Hj Omar & Ors [2009] 3 CLJ 221 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

F Election Offences Act, ss. 32(b), 35(b), (c), 36, 40(3), 41

Election Petition Rules, rr. 4(1)(b), 4(4)(3)

Election Regulations (Conduct of Elections) 1981, regs. 19, 19A, 25(6), (7)(b), (d), (e), (9), (10)

G *Bagi pihak pempetisyen - Mohammad Rafaei Adnan (Shamshawal Azraai Ahmad, Muhammad Syahri Adnan, Mohd Hazwan Hamidun & Muhamad Auliat Ngah bersamanya); T/n Rafaei & Co*

Bagi pihak responden pertama & kedua - Mohammad Al-Saifi Hashim (Andi Razalijaya A Dadi, Mohamad Hafizul Yusoff, Maisarah Juhairi, Huam Hooi Suan, Norashikin Ismail & Norbila Abdul Malek bersamanya); PKP

H *Bagi pihak responden ketiga - Saiffuddin Othman (Mohd Azwan Mohd Roslee, Mohd Kamaruzaman A Wahab, Abdul Haris Abdul Malek, Mohd Zabidi Yusof, Fathi' Aziz Abu Bakar, Mohd Zubil Abu Bakar, Fariz Irwan Mustafa, Mohd Nasir Embong, Azrulrizal Ibrahim, Abdul Aziz Hasan & Muhammad Hafizuddin Abdul Haris bersamanya); T/n Aziz & Co*

I

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Mariana Yahya H:

Pendahuluan

[1] Petisyen pilihan raya ini telah difailkan oleh pempetisyen, Datuk Za'abar bin Dato' Mohd Adib, seorang calon Barisan Nasional ('BN') yang telah bertanding di dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 yang telah dibuat pada 5 Mei 2013. Pilihan raya ini melibatkan bahagian Dewan Undangan Negeri N26 Rantau Abang, Terengganu di mana wakil PAS iaitu Encik Alias bin Harun ('responden ketiga') telah dilaporpilih dengan sempurnanya dengan majoriti undi sebanyak 141 undi. Berdasarkan keputusan yang telah diwartakan, pempetisyen menerima undi sebanyak 8,823 manakala responden ketiga sebanyak 8,964. Undi yang ditolak ialah sebanyak 248.

[2] Petisyen pilihan raya ini telah disandarkan pada satu alasan sahaja iaitu berkenaan dengan pengundian dan atau proses pengundian telah tidak dijalankan menurut per. 25(7) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 ('PPPR 1981') sehingga telah menyentuh keputusan pilihan raya selaras dengan s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) ('Akta 5'). Pempetisyen di dalam petiysen ini memohon relif-relif seperti berikut:

(i) Perisytiharan bahawa responden ketiga tidak dipilih atau dilaporpilih dengan sewajarnya dan/atau pemilihannya adalah tidak sah dan terbatal;

(ii) Perisytiharan bahawa pilihan raya bagi bahagian Dewan Undangan Negeri N26 Rantau Abang yang diadakan pada 5 Mei 2013 adalah tidak sah dan batal;

(iii) Perisytiharan bahawa pempetisyen telah dipilih dengan sewajarnya dan sepatutnya telah dilaporpilih;

(iv) Pengesahan dan arahan-arahan di bawah s. 36 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954;

(v) Apa-apa perintah atau relif lain yang difikirkan suaimanfaat oleh mahkamah ini; dan

(vi) Kos kepada pempetisyen.

[3] Responden pertama dan kedua melalui suratnya bertarikh 30 Jun 2013 telah memfailkan notis bantahan awal ke atas petisyen ini. Responden ketiga pula melalui suratnya bertarikh 2 Julai 2013 memfailkan notis bantahan awal terhadap petisyen yang sama.

[4] Terdapat empat bantahan awal responden pertama dan kedua iaitu:

(i) Bahawa petisyen tersebut adalah remeh, sia-sia dan menyalahgunakan proses mahkamah kerana di bawah s. 41, Akta 5 dan per. 25(10) PPPR 1981 keputusan ketua tempat mengundi ('KTM') untuk menolak kertas undi adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan;

(ii) Bahawa petisyen tersebut cacat kerana gagal mematuhi peruntukan mandatori k. 4(1)(b) dan k. 4(4)(3) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 ("KKPPR 1954") apabila perenggan-perenggan 6 hingga 12 petisyen itu telah tidak memplidkan fakta material dan alasan betul bagi menyokong permintaan yang dipohon. Pengaduan di perenggan 6 hingga 12 petisyen itu juga telah tidak menyentuh keputusan pilihan raya berdasarkan s. 32(b), Akta 5.

(iii) Bahawa relif yang dipohon di perenggan 13(i) iaitu supaya "pemilihannya adalah tidak sah dan terbatal" adalah bercanggah dengan s. 35, Akta 5; dan

(iv) Bahawa mahkamah pilihan raya ini tidak lagi mempunyai kuasa untuk memberikan relif yang dipohon di perenggan 13(iii) kerana s. 35(c), Akta 5 telahpun dimansuhkan sejak dari 16 Januari 2003 melalui Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2002 (Akta A1177).

[5] Bantahan awalan responden ketiga adalah seperti berikut:

(i) Bahawa semua fakta dan butir-butir yang diplidkan dalam petisyen pilihan raya tersebut tidak mendedahkan kausa tindakan di bawah s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 ('AKP');

(ii) Bahawa akibat kegagalan memplidkan bilangan kertas undi yang ditolak akibat kesan dakwat kekal, pempetisyen gagal mendedahkan fakta material di dalam petisyen bahawa keputusan penolakan kertas undi tersebut telah memberi kesan

kepada keputusan pilihan raya berkenaan sebagaimana kehendak s. 32(b) AKP sekaligus gagal dan tidak mematuhi kehendak k. 4(1) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 (disebut 'KKPP 1954');

(iii) Fakta material yang tidak mencukupi dalam petisyen tersebut memprejudiskan, menyusahkan dan mengaibkan bagi responden ketiga untuk menyediakan pembelaannya terhadap alegasi pliding unilateral pempetisyen;

(iv) Bahawa pempetisyen gagal memplidkan fakta material iaitu sama ada pempetisyen atau ejen pilihanrayanya atau ejen mengira undi baginya telah mengemukakan sebarang bantahan terhadap penolakan kertas undi yang didakwa mempunyai kesan dakwat kekal sebagaimana kehendak per. 25(9) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 (disebut 'Peraturan 1981'). Ketiadaan pliding butir-butir material ini adalah menyalahi kehendak mandatori s. 32(b) AKP 1954 dan k. 4(1) KKPP 1954.

(v) Bahawa petisyen ini yang diasaskan semata-mata kepada isu penolakan kertas undi tidak mendedahkan satu kausa tindakan di bawah s. 32 AKP kerana adalah menjadi kedudukan undang-undang mantap bahawa penolakan kertas undi oleh ketua tempat mengundi tidak boleh dipersoalkan dan adalah muktamad sebagimana peruntukan s. 41 AKP dan per. 25(10) Peraturan 1981.

(vi) Bahawa Mahkamah Pilihan Raya yang mulia ini tidak mempunyai kuasa untuk memberikan relif III yang dipohon dalam petisyen ini kerana peruntukan undang-undang berkenaannya telah dimansuhkan.

[6] Peguam responden pertama dan kedua telah mendahului hujahan bantahan awalan mereka dengan panjang lebarnya dan peguam responden ketiga mengambil pendirian menerimapakai kesemua hujahan yang dibuat oleh peguam responden pertama dan kedua dengan membuat sedikit penambahan hujahan yang pada pandangan saya adalah menyentuh atas perkara bantahan yang sama.

A **Bantahan Awal Pertama**

[7] Bahawa petisyen tersebut adalah remeh, sia-sia dan menyalahgunakan proses mahkamah kerana di bawah s. 41, Akta 5 dan per. 25(10) PPPR 1981 keputusan ketua tempat mengundi
B untuk menolak kertas undi adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan.

> Seksyen 41 Akta 5 – Mengenai sesuatu petisyen pilihan raya, keputusan seseorang pegawai pengurus atau ketua tempat
C mengundi, **sama ada atau tidak sesuatu kertas undi hendaklah ditolak**, di bawah *mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pilihan raya itu, tidak boleh dipersoalkan*. (penekanan ditambah)

[8] Penekanan bantahan awal responden pertama dan kedua
D secara khususnya merujuk kepada s. 41 Akta 5 yang dengan jelas menyatakan bahawa keputusan ketua tempat mengundi tidak boleh dipersoalkan. Seksyen 41 Akta 5 ini amatlah jelas dalam menerangkan maksud dan tujuannya. Ia menunjukkan keputusan ketua tempat mengundi dalam menolak kertas undi atau menerima
E kertas undi tersebut adalah sama sekali tidak boleh dipersoalkan. Kesan daripada keputusan yang tidak boleh dipersoalkan tersebut terjumlah kepada satu keputusan yang muktamad. Tatacara pengiraan undi oleh ketua tempat mengundi diperuntukkan di bawah per. 25(6) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan
F Pilihan Raya) 1981 iaitu:

Versi Bahasa Melayu

> (6) Ketua Tempat Mengundi atau orang yang diberi kuasa olehnya hendaklah kemudiannya mengira kertas undi itu
G mengikut undian oleh pemilih bagi setiap calon dan hendaklah mencatatkan perkataan "ditolak" pada mana-mana kertas undi yang ditolaknya sebagai tidak sah.

Versi Bahasa Inggeris

> (6) The presiding officer or the persons authorized by him
H shall then proceed to count the ballot papers according to the vote by electors for each candidate and shall endorsed the word "rejected" on any ballot paper which he may reject as invalid.

I

[9] Undang-undang telah menuntut pematuhan mandatori sebelum ketua tempat mengundi boleh menolak sesuatu kertas undi itu. Pematuhan mandatori itu diperuntukkan di bawah per. 25(9) PPPR 1981 yang dengan jelas menyatakan bahawa:

Versi Bahasa Melayu

> (9) Sebelum menolak sesuatu kertas undi ketua tempat mengundi hendaklah menunjukkan kepada setiap calon, ejen pilihan raya atau ejen mengiranya, jika hadir, dan menimbangkan pendapat mereka mengenainya.

Versi Bahasa Inggeris

> (9) Before rejecting a ballot paper the presiding officer shall show it to each candidate, his election agent or counting agent, if present and consider his views thereon.

[10] Ketua tempat mengundi adalah terikat dengan per. 25(9) PPPR 1981 kerana sebelum menolak sesuatu kertas undi, kertas undi tersebut mestilah ditunjukkan terlebih dahulu kepada setiap calon, ejen pilihan raya, atau ejen mengiranya dan menimbangkan pendapat daripada mana-mana atau keseluruhan pihak-pihak yang dinyatakan seperti per. 25(9) PPPR 1981 tersebut sebelum sesuatu keputusan untuk menolak kertas undi dibuat oleh ketua tempat mengundi.

[11] Manakala, di dalam per. 25(10) PPPR 1981 pula, penolakan kertas undi oleh ketua tempat mengundi yang tidak boleh dipersoalkan itu juga terjumlah kepada satu keputusan yang muktamad.

Versi Bahasa Melayu

> (10) Keputusan Ketua Tempat Mengundi, sama ada atau tidak mana-mana kertas undi hendaklah ditolak, adalah muktamad.

Versi Bahasa Inggeris

> (10) The decision of the presiding officer, whether or not any Ballot paper shall be rejected shall be final.

[12] Undang-undang memberikan suatu kuasa penuh kepada ketua tempat mengundi untuk membuat keputusan menolak mana-mana kertas undi dan kuasa penuh ini jelas tidak boleh dipersoalkan. Berdasarkan per. 25(9) dan (10) PPPR 1981, penekanan mahkamah diberikan kepada tiga perkara iaitu:

(i) Keputusan ketua tempat mengundi tersebut;

(ii) Pada kertas undi yang hendak ditolak; dan

(iii) Keputusan yang dibuat adalah muktamad.

[13] Pematuhan mandatori ini adalah dituntut secara ketat terhadap ketua tempat mengundi kerana ketidakpatuhan ketua tempat mengundi berbuat demikian memberi impak yang sangat besar kepada keputusan pilihan raya tersebut. Namun, pempetisyen di dalam petisyennya tidak pun menunjukkan bahawa ketua tempat mengundi telah gagal mematuhi atau melanggari kehendak peruntukan 25(9) tersebut. Rasional kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah per. 25(10) dan s. 41 adalah jelas untuk memastikan adanya titik noktah atau kesudahan dalam sesuatu keputusan untuk menerima atau menolak kertas undi yang dibuat oleh ketua tempat mengundi. Sekiranya undang-undang tidak membekalkan ketua tempat mengundi dengan kuasa ini, pertikaian mengenainya tidak akan berakhir dengan suatu keputusan yang semestinya dituntut dalam semua proses pilihan raya. Isu muktamad ini telahpun diputuskan di dalam kes *Mahari Endut v. Dato' Hj Mat Razali Kassim, Pegawai Pengurus Pilihan Raya Bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri N15 Ladang & Ors* [2009] 4 CLJ 488; [2009] 5 MLJ 153, 175 di perenggan 73-75 (CLJ); 72-74 (MLJ) yang menyebut:

> [72] We asked learned Senior Federal Counsel on the effects of the deletion of sub-s. (3) of s. 40 of the Act 5 in relation to the prayer for scrutiny by the Appellant when addition of rejected votes could no longer be done.
>
> [73] The short answer given was that the deletion of sub-s. 3 read with s. 41 provided a finality in an election process. We agree.
>
> [74] The interpretation of the two sections may appear harsh. However, we are dealing with an election petition which is subject to strict interpretation of the relevant election law (see *Dato' Ismail Bin Kamus v. Pegawai Pengurus Pilihan Raya (Zainal Abidin bin Azim & Ors* [2005] 3 MLJ 193; [2005] 2 CLJ 237). Common law and equity principle have no application when determining election petition cases.

[14] Pempetisyen di dalam petisyennya di perenggan 7 mendakwa bahawa wujudnya penolakan kertas undi yang mempunyai kesan dakwat kekal padanya di beberapa saluran peti-peti undi di bahagian Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri N26 Rantau Abang Terengganu. Butiran mengenai penolakan kertas undi tersebut diperincikan di perenggan 7(i) hingga (vi) iaitu:

> (7) Wujudnya penolakan kertas undi yang mempunyai kesan dakwat kekal padanya di beberapa saluran Peti-Peti Undi ...
>
> (i) ... di Saluran 1 Peti Undi Kuala Abang ... terdapat kertas undi yang mempunyai kesan dakwat kekal telah dicapkan "DITOLAK".
>
> (ii) ... di Saluran 3 Peti Undi Pulau Serai ... terdapat kertas undi yang mempunyai kesan dakwat kekal telah dicapkan "DITOLAK".
>
> (iii) ... di Saluran 4 Peti Undi Pulau Serai ... terdapat kertas undi yang mempunyai kesan dakwat kekal telah dicapkan "DITOLAK".
>
> (iv) ... di Saluran 5 Peti Undi Gong Pasir ... terdapat kertas undi yang mempunyai kesan dakwat kekal telah dicapkan "DITOLAK".
>
> (v) ... di Peti Undi Delung ... kertas undi yang mempunyai kesan dakwat kekal telah dicapkan "DITOLAK".
>
> (vi) ... pengiraan undi awal di Peti Undi Gong Pasir ... kertas undi yang mempunyai kesan dakwat kekal telah dicapkan "DITOLAK".

[15] Dengan meletakkan butiran seperti yang tersebut di atas, ia terpancar jelas bahawa pempetisyen mempersoalkan keputusan ketua tempat mengundi yang mana pada hemat pempetisyen seharusnya dicap "DITERIMA" sepertimana perenggan 9 petisyen pempetisyen.

[16] Menurut pempetisyen seperti mana perenggan 9 petisyen, atas sebab ketiadaan peruntukan di bawah per. 25(7) mengenai penolakan kertas undi yang mempunyai kesan dakwat kekal, maka itu seharusnya ketua tempat mengundi menerima kertas undi tersebut. Penegasan nyataan ini boleh diambilkira jika s. 40(3) sebelum pindaan diterimapakai.

[17] Seksyen 40 sebelum pindaan berbunyi:

> Section 40:
>
> Votes to be struck off at a scrutiny
>
> (3) On a scrutiny, any tendered vote proved to be valid vote shall, on the application of any party to the petition, be added to the poll.

[18] Sekiranya kertas-kertas undi yang dicapkan "DITOLAK" tersebut dibuktikan semasa pengiraannya adalah sah diterima dan dimasukkan ke dalam pengiraan jumlah undi, kemunasabahan nyataan ini hanya terpakai di bawah s. 40 Akta 5 sebelum pindaan. Namun demikian, nyataan sedemikian sudah tidak lagi terpakai dan tidak lagi bermakna selepas s. 40(3) ini dipotong keluar menurut Akta A1177 yang berkuatkuasa pada 16 Januari 2003. Sekalipun pihak pempetisyen memohon supaya kertas undi diterima dan dikira semula, hanya undian yang telah diterima sahaja digunapakai untuk satu pengiraan semula dan undi yang ditolak adalah muktamad dan tidak lagi boleh dipersoalkan dalam satu pilihan raya. Ini menunjukkan bahawa undi yang ditolak pada peringkat pengasingan atau pengiraan tidak boleh dipersoalkan. Sekiranya dibenarkan, ia bertentangan dengan peruntukan undang-undang pilihan raya.

[19] Dalam tindakan ini pempetisyen menyatakan tiadanya peruntukan khusus di dalam per. 25(7) PPPR 1981 yang membolehkan ketua tempat mengundi menolak kertas-kertas undi yang mempunyai kesan dakwat kekal. Oleh itu pempetisyen berhujah bahawa ketua tempat mengundi tidak seharusnya menolak kertas-kertas undi tersebut dari awalnya. Hujahan pempetisyen tidak terhenti di situ sahaja malah pempetisyen menjemput mahkamah yang mulia ini untuk mengakui bahawa terdapatnya kelompongan dalam per. 25(7) PPPR 1981 itu sendiri yang tidak memberi kuasa kepada ketua tempat mengundi untuk menolak kertas-kertas undi yang mempunyai kesan dakwat kekal. Pempetisyen telah meminta mahkamah ini mengambil satu pengiktirafan kehakiman ('judicial notice') ke atas penggunaan dakwat kekal yang baru pertama kali digunapakai pada Pilihan Raya Umum Ke-13 baru-baru ini.

[20] Mahkamah ini berpendapat bahawa tiada sebarang kelompongan undang-undang dalam per. 25(7) PPPR 1981 mahupun wujudnya sebarang keperluan untuk mahkamah ini membuat satu penafsiran baru yang memerlukan saksi-saksi

dipanggil memberi keterangan bagi menjustifikasikan kewujudan satu subperaturan yang secara khusus membolehkan atau membenarkan ketua tempat mengundi menolak kertas undi atas sebab kesan dakwat kekal. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan responden pertama dan kedua bahawa per. 25(7) PPPR 1981 ini adalah sangat luas menurut lima keadaan-keadaan yang diperuntukkan di dalamnya. Jika diteliti per. 25(7) PPPR 1981 tersebut, ketua tempat mengundi hendaklah menolak sebagai tidak sah kertas undi mengikut mana-mana lima keadaan yang diperuntukkan dengan syarat yang telah pun sedia ada diperuntukkan dalam peruntukan yang sama. Kelima-lima keadaan di bawah per. 25(7) tersebut adalah bersyarat sepertimana yang ditetapkan iaitu jika ketua tempat mengundi berpuas hati bahawa kertas undi itu telah dikeluarkan dalam suatu keadaan yang akan menjadikannya tidak sah di bawah peraturan ini oleh sebab sesuatu perbuatan atau peninggalan olehnya atau oleh seseorang yang tidak bertindak di bawah kuasanya, dan jika tidak kerana itu kertas undi itu adalah sah. Ketua tempat mengundi itu tidak boleh menolak kertas undi itu.

[21] Perkataan penting yang ditetapkan dalam syarat yang dinyatakan adalah "jika ketua tempat mengundi berpuas hati bahawa kertas undi yang ditolak adalah tidak sah di bawah peraturan ini oleh kerana suatu perbuatan atau peninggalan olehnya", maka dalam keadaan itu "ketua tempat mengundi itu tidak boleh menolak kertas undi itu".

[22] Oleh yang demikian, adalah perlu bagi pempetisyen terlebih dahulu untuk menunjukkan kepada mahkamah ini di bawah keadaan manakah per. 25(7) telah dilanggari oleh ketua tempat mengundi semasa penolakan kertas undi dibuat. Ini adalah penting untuk memenuhi keperluan syarat yang dinyatakan bagi membolehkan ketua tempat mengundi tidak boleh menolak kertas undi tersebut setelah beliau berpuas hati bahawa perbuatan atau peninggalan olehnya terjumlah kepada keadaan yang tidak sah di bawah peraturan tersebut. Kegagalan pempetisyen menunjukkan ketidakpatuhan yang dilakukan oleh ketua tempat mengundi dalam menolak mana-mana jumlah undi daripada 248 undi atau kesemua 248 undi hanya berdasarkan terdapatnya kesan dakwat kekal pada kertas undi ditolak tersebut secara terusnya menunjukkan tiada perlanggaran telah dilakukan oleh ketua tempat mengundi itu. Lanjutan dari itu kegagalan pempetisyen memperincikan dengan nyata apakah perlanggaran dan/atau ketidakpatuhan yang telah

dilakukan oleh ketua tempat mengundi di bawah Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 menjadikan s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 tidak terpakai kepada responden 1, 2 dan 3.

Bantahan Awal Kedua

[23] Bahawa petisyen tersebut cacat kerana gagal mematuhi peruntukan mandatori k. 4(1)(b) dan k. 4(4)(3), Kaedah-Kaedah Peraturan Pilihan Raya 1954 ('KKPPPR 1954') apabila perenggan-perenggan 6 hingga 12 petisyen itu telah tidak memplidkan fakta-fakta material dan alasan yang betul bagi menyokong permintaan yang dipohon. Pengaduan-pengaduan di perenggan 6 hingga 12 petisyen itu juga telah tidak menyentuh keputusan pilihan raya berdasarkan s. 32(b), Akta 5. Peguam responden pertama dan kedua berhujah bahawa fakta-fakta dan alasan-alasan yang disandari oleh pempetisyen dalam perenggan 6 hingga 12 petisyen tersebut telah gagal menyokong permintaan yang dipohon.

[24] Kaedah 4(1)(b) KKPR 1954:

> 4.1 Sesuatu petisyen pilihan raya hendaklah mengandungi pernyataan yang berikut:
>
> (a) ...
>
> (b) Petisyen itu hendaklah menyatakan tarikh pilihan raya itu diadakan dan juga keputusannya, dan hendaklah menyatakan dengan ringkas fakta dan alasan yang berasaskannya permintaan itu disokong.

[25] Kaedah 4(4)(3) KKPR 1954:

> (4) Bentuk yang berikut, atau bentuk yang mempunyai maksud seumpamanya, memadai:
>
> ...
>
> (3) Dan pempetisyen kamu menyatakan bahawa (di sini dinyatakan fakta dan alasan yang padat dan ringkas yang padanya pempetisyen bergantung)
>
> Oleh yang demikian pempetisyen kamu memohon supaya diputuskan bahawa A.B yang tersebut itu telah tidak dipilih atau dilaporpilih dengan sewajarnya, dan bahawa pilihan raya itu terbatal (atau bahawa E.F yang tersebut telah dipilih dengan sewajarnya dan dia sepatutnya dilaporpilih).

[26] Fakta-fakta dirujuk seperti di dalam perenggan 6 hingga 12 petisyen pempetisyen ditunjukkan sebagai fakta-fakta yang tidak terjumlah kepada suatu fakta material bagi menyatakan sebab-sebab permohonan pempetisyen. Fakta yang ditunjukkan oleh pempetisyen dalam petisyennya seperti perenggan 4(A)(III) C iaitu jumlah kertas undi ditolak ialah 248 dan di bawah H Undi Majoriti 141 yang telah melaporpilih responden ketiga sebagai dipilih dengan sempurnanya.

[27] Pempetisyen menyatakan terdapat ketidakpatuhan dan/atau perlanggaran Undang-Undang (di bawah s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954) di mana pengundian telah tidak dijalankan mengikut prinsip undang-undang dan kaedah-kaedah serta peraturan-peraturan yang termaktub di dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981, Akta Pilihan Raya 1958 dan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

[28] Perenggan 7 petisyen, pempetisyen menyatakan bahawa wujudnya penolakan kertas undi yang mempunyai kesan dakwat kekal padanya di beberapa saluran peti-peti undi di bahagian Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri N26 Rantau Abang Terengganu. Butiran yang diberi seperti perenggan (i) hingga (vi) di keenam-enam saluran peti undi adalah "terdapat kertas undi yang mempunyai kesan dakwat kekal telah dicapkan "DITOLAK"".

[29] Perenggan 9 petisyen pula menyatakan bahawa oleh kerana tiada peruntukan di dalam per. 25(7) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) yang memperuntukan bahawa ketua tempat mengundi boleh menolak kertas undi atas sebab mempunyai kesan dakwat kekal maka sewajarnya ketua tempat mengundi menerima kertas undi tersebut.

[30] Peguam responden pertama dan kedua telah berhujah bahawa pempetisyen telah gagal menyatakan fakta-fakta material seperti berikut:

(i) Jumlah kertas undi ditolak bagi setiap saluran di dalam keenam-enam saluran di butir-butir perenggan 7 petisyen tersebut;

(ii) Alasan-alasan bagi kertas undi ditolak dalam kesemua keenam-enam saluran tersebut (sama ada kesemua kertas undi ditolak kerana kesan dakwat kekal atau alasan yang lain dari itu);

(iii) Jumlah kertas undi yang ditolak disebabkan oleh kesan dakwat kekal di setiap saluran bagi keenam-enam saluran peti undi tersebut;

(iv) Sama ada kertas undi yang ditolak itu memihak kepada mana-mana daripada tiga calon yang dipilih;

(v) Jumlah kertas undi yang ditolak yang memihak kepada pempetisyen di kesemua keenam-enam saluran peti undi tersebut;

(vi) Di manakah terletaknya kesan dakwat kekal itu pada kertas undi yang ditolak (sama ada ianya jelas mengganggu niat pengundi sebagaimana dalam per. 25(7)(e), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya 1981, atau sebab lain di dalam per. 25(7)(b) atau (d) Peraturan Peraturan Pilihan Raya 1981).

(vii) Sama ada ejen mengira undi bagi Parti BN yang bertugas di setiap saluran dalam keenam-enam saluran peti undi tersebut membuat bantahan semasa ketua tempat mengundi menunjukkan kertas undi tersebut sebelum memutuskan untuk menolaknya; dan

(viii) Jika ada bantahan sekalipun, sama ada bantahan tersebut telah dipertimbangkan oleh ketua tempat mengundi dan sekiranya dipertimbangkan, sama ada bantahan tersebut ditolak atau diterima.

[31] Mahkamah berpendapat petisyen pempetisyen telah dengan cuai dan lalainya meninggalkan fakta-fakta penting seperti berapakah jumlah kertas undi yang ditolak bagi setiap saluran, alasan-alasan mengapa kertas undi tersebut ditolak, dan daripada jumlah keseluruhan kertas undi yang ditolak iaitu sebanyak 248, berapakah jumlah kertas undi yang ditolak atas sebab adanya kesan dakwat kekal. Seterusnya, petisyen pempetisyen juga telah meninggalkan fakta-fakta penting seperti kertas-kertas undi yang ditolak itu sebenarnya adalah memihak kepada mana-mana daripada tiga calon yang bertanding tersebut. Persoalan seterusnya ialah berapakah jumlah kertas undi yang ditolak itu adalah memihak kepada pempetisyen. Petisyen pempetisyen juga sama sekali tidak menyatakan di manakah sebenarnya kesan dakwat kekal itu pada kertas undi yang dicapkan ditolak. Adakah kesan tersebut telah menjejaskan niat pengundi seperti yang termaktub dalam per. 25(7)(e) yang telah tidak menunjukkan dengan jelas niat pengundi itu.

[32] Mahkamah mendapati agak sukar untuk mempercayai kesukaran pempetisyen mengenalpasti peraturan manakah yang telah dilanggari (sekiranya ada) oleh ketua tempat mengundi dengan merujuk kepada per. 25(7) itu sendiri. Peraturan 25(7) sebenarnya adalah mencukupi dan memadai untuk ketua tempat mengundi menolak sesuatu kertas undi itu. Ketika berhujah, pempetisyen memberikan alasan bahawa kegagalan mereka menyatakan ketidakpatuhan di bawah mana-mana subperaturan di bawah per. 25(7) PPPR 1981 adalah atas alasan tiadanya subperaturan yang memperuntukan penolakan kertas undi oleh ketua tempat mengundi disebabkan terdapatnya kesan dakwat kekal pada kertas undi. Pengataan ini telah membuatkan mahkamah ini terpanggil untuk membuat imbasan semula sama ada fakta yang dihujahkan boleh dipertahankan atau tidak. Jika pempetisyen sendiri dalam merangka plidingnya gagal memanifestasikan satu fakta yang menyatakan ketidakpatuhan menurut mana-mana subperaturan-subperaturan di bawah per. 25(7) tersebut, bukankah ianya adalah satu pengakuan daripada pempetisyen kepada mahkamah ini bahawa tiada apa-apa ketidakpatuhan yang telah berlaku di bawah per. 25(7) itu sendiri?

[33] Saya berpendapat kegagalan pempetisyen menamakan mana-mana bahagian di per. 25(7) PPPR 1981 menunjukkan sebenarnya tiada sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran peraturan oleh ketua tempat mengundi. Secara kesimpulannya, pempetisyen hanya menyebut terdapatnya kertas undi yang ditolak tanpa butir-butir lanjut untuk menyokong dakwaan tersebut. Maka itu secara terusnya pempetisyen telah tidak memplidkan apa-apa fakta material dan alasan yang betul bagi menyokong petisyen ini. Ketiadaan fakta-fakta penting ini amatlah menyukarkan responden pertama dan kedua untuk menjawab apa-apa yang tersurat dan tersirat dalam petisyen ini. Ketinggalan pempetisyen menyatakan fakta-fakta material dengan sewajarnya telah meninggalkan responden pertama dan kedua dalam kegelapan yang masih sehingga hari ini mencari-cari apakah sebenarnya ketidakpatuhan yang dikatakan telah berlaku. Ini sangat-sangatlah memprejudiskan responden pertama dan kedua dalam menyediakan pembelaan kepada pempetisyen ini. Fakta yang dinyatakan dalam petisyen ini tidak mencerminkan alasan fakta-fakta itu.

[34] Pengataan pempetisyen bahawa ketua tempat mengundi tidak mempunyai kuasa menolak kertas undi dengan kesan dakwat kekal di bawah per. 25(7) adalah satu tuduhan yang serius dan tidak ada fakta-fakta material untuk menyokong tuduhan itu. Pendirian pempetisyen bahawa ketiadaan peruntukan undang-undang pilihan raya mengenai penolakan kertas undi kerana kesan dakwat kekal adalah suatu andaian semata-mata yang tidak diasaskan dengan sebarang bukti. Pempetisyen bukan sahaja gagal menyatakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan tetapi juga telah menyusahkan responden pertama, kedua dan ketiga dalam menyediakan pembelaan mereka.

[35] Pernyataan saya ini disokong dengan penghakiman Hakim Mahkamah Persekutuan Richard Malanjum di dalam kes *Mahari Endut v. Dato' Hj Mat Razali Kassim, Pegawai Pengurus Pilihan Raya Bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri N15 Ladang & Ors* [2009] 4 CLJ 488 di perenggan 16, 17 dan 18:

> [16] In election cases the principles on pleadings are well settled. *Strict compliance with the provisions of the Act 5, regulations and/or Rules is required otherwise any election petition would be rendered defective and liable to be struck out in limine*. Thus, under r. 4(1)(b) of the Election Petition Rules 1954 ("the Petition Rules 1954") it is mandatory that an election petition shall state briefly the facts and grounds relied upon to sustain the prayers sought for. The rationale for this strict requirement is that "the right conferred by that Act is a special kind of right unknown to the common law or equity, and the court which administers it possesses a special kind of jurisdiction."
> (emphasis added)
>
> [17] **It is also essential for respondents in election petitions to be informed of the charges against them**. Once informed they have to be given time to collect their evidence while such evidences are still fresh and available and to prepare their cases. (emphasis added)
>
> [18] In the present case *the learned election judge was of the view that the petition failed to comply with r. 4(1)(b) of the Petition Rules 1954 and hence the appellant failed to prove his claim*.
> (emphasis added)

[36] Keperluan mandatori k. 4(1)(b) dan k. 4(4)(3) KKPPPR 1954 dihuraikan selanjutnya di dalam kes *Mohd Nazri Hj Din v. Dato' Seri Raja Ahmad Zainuddin Raja Hj Omar & Ors* [2009] 3 CLJ 221 Augustine Paul HMP di dalam penghakimannya di ms. 230 perenggan 6 menyebut:

> [6] ... A prayer can be sustained only by a statement of the facts necessary to establish it. They will be the facts on which the petitioner will rely. Thus, there must be sufficient facts to constitute a cause of action as there will form the basis of the prayer. It is therefore abundantly clear that the facts to be pleaded pursuant to r. 4(1)(b) and r. 4(4)(3) must be such as to make out a case for the petitioner. In other words all the material facts must be pleaded though a concise statement of them will suffice. Failure to comply with these mandatory requirements will render the petition defective (see *Gan Joon Zin v. Fong Kui Lun & Ors* [2004] 4 CLJ 729). The facts that must be pleaded will depend on the election offence alleged to have been committed and the elements that are required to be established in respect of it.

[37] Berdasarkan nas-nas yang dipetik, undang-undang mengenai penzahiran fakta-fakta penting di dalam petisyen pilihan raya adalah mantap. Mahkamah berpendapat bahawa fakta-fakta dan alasan-alasan yang disandari oleh pempetisyen dalam perenggan 6 hingga 12 petisyen tersebut telah gagal menyokong permintaan yang dipohon. Pempetisyen tidak dapat menunjukkan dalam petisyennya alasan yang disandari termasuk dalam s. 32(b), Akta 5, di mana fakta yang dizahirkan di dalam petisyen ini gagal mematuhi peruntukan mandatori k. 4(1)(b) dan k. 4(4)(3). Kesan undang-undang daripadanya menjadikan petisyen ini cacat dan tidak dapat dipertahankan.

Pengiktirafan Kehakiman Atas Tafsiran per. 25(7) PPPR 1981

[38] Peguam pempetisyen dalam menjawab hujahan responden pertama, kedua dan ketiga, berhujah bahawa mahkamah ini perlu memberi pengiktirafan kehakiman ('judicial notice') atas penggunaan dakwat kekal yang baru sahaja digunakan pada Pilihan Raya Umum Ke-13 baru-baru ini. Pempetisyen seterusnya berhujah per. 25(7) perlu diberi penafsiran oleh mahkamah ini. Peraturan 25(10) dan s. 41 menurut pempetisyen adalah tidak matang pada peringkat ini kerana ianya interlokutori dan perlu diadakan perbicaraan penuh. Pempetisyen telah menyatakan kepada mahkamah, kes ini adalah

yang pertama kali berlakunya ketidakpatuhan pada peruntukan yang tidak wujud bagi ketua tempat mengundi menolak kertas undi atas alasan kesan dakwat kekal pada kertas undi. Pempetisyen juga kemudiannya telah menekankan kepada mahkamah ini bahawa terdapatnya *lacuna* dalam per. 25(7) tersebut dengan persoalan bolehkah ketua tempat mengundi menolak kertas undi sekiranya undang-undang tidak memperuntukan bahawa ianya boleh ditolak? Seksyen 41 dan per. 25(10) tidak terpakai untuk isu dakwat kekal.

[39] Mahkamah mendapati terdapatnya kekeliruan di pihak pempetisyen sehingga pempetisyen meminta mahkamah yang mulia ini untuk mengambil satu pengiktirafan kehakiman terhadap penggunaan dakwat kekal dan kewujudan *lacuna* dalam per. 25(7) yang telah menghalang pempetisyen daripada mengenalpasti ketidakpatuhan ketua tempat mengundi. Penggunaan dakwat kekal semasa pilihan raya adalah bertujuan untuk mengelakkan pengundi daripada mengundi lebih daripada sekali dan bagi memastikan ketelusan proses pilihan raya negara kita kekal terjaga. Dalam menjalankan pilihan raya, perundangan dan peraturan pilihan raya merupakan asas utama dalam menyediakan garis panduan untuk melaksanakan proses pilihan raya yang perlu dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam pilihan raya. Penggunaan dakwat kekal telah termaktub dalam undang-undang yang ditetapkan dan perlu dicalit pada jari pengundi sebelum kertas undi diberikan. Dakwat kekal adalah syarat mengesahkan undi seseorang itu. Maka atas sebab itulah melalui Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012 yang telah dipinda bagi memperjelaskan perkembangan terbaru ini melalui peruntukan per. 19 dan 19A yang mewajibkan seseorang pengundi dicalitkan dengan dakwat kekal sebelum kertas undi dikeluarkan kepada pemilih berkenaan. Pindaan ini telah diwartakan melalui PU(A) 43 pada 13 Februari 2012 dan telahpun berkuatkuasa pada 15 Februari 2012.

[40] Saya percaya Parlimen semasa pindaan dibuat pada per. 19 dan 19A, telah secara sedar mengambil maklum bahawa per. 25(7) itu tidak memerlukan sebarang kemasukan subperaturan yang baru untuk dijadikan sebahagian syarat-syarat penolakan dan saya juga percaya ini bukanlah satu ketinggalan di pihak Parlimen setelah dengan terangnya pindaan dibuat pada per. 19 dan 19A yang dimasukkan khusus bersempena dengan pengenalan penggunaan dakwat kekal tersebut.

[41] Dalam menjawab persoalan *lacuna*, kelompongan, kekaburan atau kekurangan dalam undang-undang, mahkamah haruslah mengambil pendekatan yang sangat berhati-hati dan berjaga-jaga kerana setiap penafsiran dan pentakrifan sesuatu peruntukan undang-undang akan mendatangkan kesan kepada undang-undang yang berkaitan dengannya. Saya juga berpendapat mahkamah seharusnya mengambil pendekatan yang sangat berhati-hati khususnya apabila suatu obligasi mandatori dipohon oleh pihak-pihak untuk dilepaskan terhadap mereka seperti dalam kes ini. Dalam mengisi kekosongan, menampung kelompongan dan/atau untuk memasukkan sebarang peninggalan (jika ada) dalam undang-undang, saya berpendapat niat dan hasrat Parlimen dalam menggubal sesuatu undang-undang itu mestilah tidak boleh diabaikan.

[42] Perkara penting yang perlu diingatkan ialah tugas mahkamah adalah terhad kepada menafsirkan dan menguatkuasakan undang-undang tidak lebih daripada maksud asal dan tujuannya yang telah sedia ada dalam undang-undang tersebut. Mahkamah tidak boleh keluar dari fungsi dan tugas yang telah dipertanggungjawab ke atasnya. Pempetisyen dalam kes ini telah meminta mahkamah untuk melangkaui lebih daripada apa yang telah diperuntukkan yang pada hemat saya ianya bukanlah suatu kewajaran untuk berbuat demikian kerana tugas itu telah pun diperuntukkan kepada Parlimen untuk berbuat demikian. Jika mahkamah bertindak lebih daripada itu, mahkamah telah pun melangkaui batas tugasnya dan akan mengganggugugat fungsi Parlimen itu sendiri.

[43] Saya berpendapat per. 25(7) PPPR 1981 dan subperaturan di bawahnya adalah cukup dan lengkap. Jika Parlimen berpendapat sebaliknya, maka sudah tentulah pindaan telahpun dibuat sejajar dengan pindaan yang telah dilakukan terhadap Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012 yang telah dengan jelas dibuat atas sebab pengenalan penggunaan dakwat kekal.

Bantahan Awal Ketiga

[44] Relif yang dipohon di perenggan 13(i) iaitu supaya "pemilihannya adalah tidak sah dan terbatal" adalah bercanggah dengan s. 35, Akta 5.

A **Bantahan Awal Keempat**

[45] Mahkamah Pilihan Raya ini tidak lagi mempunyai kuasa untuk memberikan relif yang dipohon di perenggan 13(iii) kerana s. 35(c), Akta 5 telahpun dimansuhkan sejak dari 16 Januari 2003 melalui
B Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2002 (Akta A1177).

[46] Bagi kedua-dua bantahan awal ketiga dan keempat, saya membuat dapatan saya secara bersekali.

Versi Bahasa Melayu

C

[47] Seksyen 35, Akta 5:

(35) Semua atau mana-mana daripada relif yang berikut yang pempetisyen mungkin berhak kepadanya boleh dituntut dalam sesuatu petisyen pilihan raya:

D

(a) Suatu perisytiharan bahawa pilihan raya itu tidak sah;

(b) Suatu perisytiharan bahawa orang itu telah tidak dipilih dengan sewajarnya atau sepatutnya telah tidak dilaporpilih;

E (c) (dipotong oleh Akta A1177);

(d) Jika kerusi itu dituntut untuk seseorang calon yang tidak Berjaya atas alasan bahawa dia telah mendapat majoriti undi yang sah di sisi undang-undang, suatu *tafahus*.

F Istilah "*tafahus*" menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka adalah "siasatan mengenai kesahan undi yang direkodkan bagi calon yang berjaya dalam pilihan raya".

Versi Bahasa Inggeris

G **[48]** Section 35 – Relief which may be claimed:

(35) All or any of the following reliefs to which the petitioner may be entitled may be claimed in an election petition:

H

(a) a declaration that the election is void;

(b) a declaration that the person was not duly elected or ought not to have been returned;

(c) ~~a declaration that any candidate was duly elected and ought to have been returned; and~~ (Deleted by Act
I A1177);

(d) where the seat is claimed for an unsuccessful candidate on the ground that he had a majority of lawful votes, a scrutiny.

[49] Responden pertama, kedua dan ketiga telah berhujah bahawa relif yang dipohon oleh pempetisyen iaitu "pemilihannya tidak sah dan terbatal" adalah sama sekali tidak diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang terutamanya di bawah s. 35 Akta 5, maka dengan itu ianya tidak patut dibenarkan. Relif tersebut telah dimansuhkan dan atas sebab itu, ianya tidak boleh dibenarkan dan patut dibatalkan.

[50] Pempetisyen pula telah berhujah bahawa relif yang dipohon adalah tidak bercanggah kerana relif tersebut jelas mengandungi peruntukan yang terkandung dalam s. 35(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Pempetisyen juga telah berhujah bahawa relif yang dipohon **telah diplidkan secara alternatif** (penekanan ditambah) dan mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk membaca relif tersebut secara disjunktif sekaligus menjadikannya tidak bercanggah dengan peruntukan s. 35(b) tersebut. Mahkamah dengan ini berpendapat memandangkan ianya telah dimansuhkan, maka relif yang dipohon tersebut adalah bercanggah dengan peruntukan undang-undang. Sekalipun peguam pempetisyen menjemput mahkamah ini untuk membaca s. 35(b) secara disjunktif, ia tidak memberi sebarang hasil bila mana perkara yang hendak dipohon oleh pempetisyen tidak lagi wujud. Hujahan pempetisyen bahawa relif yang dipohon telah diplidkan secara alternatif tidak sama sekali benar kerana perenggan relif pempetisyen tidak menunjukkan sedemikian.

[51] Setelah membaca dan mendengar hujahan-hujahan pihak-pihak di dalam bantahan awal petisyen ini dengan bantahan ketiga dan keempat responden pertama, kedua dan ketiga berkenaan, mahkamah dengan ini sekali lagi menegaskan dan memberikan penekanan akan betapa pentingnya pematuhan yang ketat bagi setiap pihak-pihak terhadap undang-undang pilihan raya. Adalah sama sekali tidak wajar bagi pempetisyen meminta mahkamah ini untuk memilih relif manakah yang dipohon oleh pempetisyen. Pempetisyen seharusnya sedar dan jelas apa sebenarnya yang pempetisyen ingin pohon dari mahkamah melalui petisyen ini.

[52] Pada hemat saya, ini adalah intipati terpenting kerana relif yang dipohon oleh pempetisyen seharusnya adalah matlamat dan tujuan mengapa petisyen ini difailkan ke mahkamah. Dalam perkara ini, kelihatan pempetisyen sendiri tidak tahu apakah relif yang diinginkan dan kemudiannya meminta pula mahkamah untuk membuat bacaan secara disjunktif bagi relif yang dipohon bagi

membantu pempetisyen dalam permohonannya. Ini adalah suatu perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Perlu ditekankan di sini juga, tidak terdapat langsung apa-apa pengataan dalam perenggan 13 petisyen yang menyatakan relif yang dipohon adalah secara alternatif. Perkara ini tidak diplidkan. Maka dengan itu, adalah sesuatu yang amat tidak wajar dan salah pada peringkat ini untuk pempetisyen meminta mahkamah untuk membantu membuat pilihan dan membuat bacaan secara disjunktif terhadap relif mereka. Oleh yang demikian relif yang dipohon tersebut adalah bercanggah dengan peruntukan undang-undang dan tidak boleh dibenarkan dan dibatalkan.

Kesimpulan

[53] Menimbang akan bantahan-bantahan awal responden pertama, kedua dan ketiga dan hujahan peguam-peguam responden-responden dan pempetisyen, saya memutuskan bahawa petisyen di hadapan mahkamah ini adalah semata-mata diasaskan kepada dakwaan di bawah s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang pempetisyen mendakwa telah berlaku ketidakpatuhan undang-undang penjalanan pilihan raya yang memberi kesan kepada keputusan pilihan raya. Malangnya kesemua alegasi dan dakwaan sepertimana petisyen tidak diplidkan dalam petisyen dengan secara mematuhi kehendak undang-undang mandatori sebagaimana yang diputuskan berulangkali di Mahkamah Pilihan Raya di Malaysia khususnya di bawah k. 4(1)(b), k. 4(4)(3) KKPPPR dan s. 32(b) AKP 1954. Akibat kegagalan di pihak pempetisyen tersebut, ternyata petisyen ini tidak mendedahkan sebarang kausa tindakan dan cacat sejak dari mula lagi. Kecacatan yang serius ini menjadikan petisyen ini tidak dapat dipertahankan sama sekali dan saya telah menjawab kesemua bantahan awal responden pertama, kedua dan ketiga secara 'affirmative' dan mahkamah ini tiada pilihan membatalkan petisyen ini dengan kos.

[54] Mahkamah mengawardkan kos setelah mendengar hujahan semua pihak iaitu RM50,000 kepada responden pertama dan kedua dan RM30,000 kepada responden ketiga.